

NO. SOALAN: 444

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

RUJUKAN : 8043

SOALAN:

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rasional peningkatan mendadak warganegara Bangladesh yang mendapat pas pekerja pada tahun 2014 (21,432) berbanding tahun 2013 (4,300).

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, peningkatan bilangan warganegara Bangladesh yang mempunyai Pas Pengajian aktif bagi tahun 2014 iaitu seramai 21,302 orang berbanding tahun 2013 iaitu seramai 4,300 orang adalah disebabkan oleh peningkatan di dalam permohonan khususnya bagi sektor pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan. Jumlah pekerja warganegara Bangladesh bagi sektor pembuatan bagi tahun 2014 adalah seramai 6,924 orang (33%), sektor pembinaan seramai 6,828 orang (32%) dan bagi sektor perkhidmatan adalah seramai 6,150 orang (29%). Sebahagian besar permohonan tersebut telah memohon dan diluluskan Pas Pengajian di bawah Kategori II untuk tempoh kurang dari dua tahun.